

08/09/1997

Projek untuk 21 hospital ditangguh

KUALA LUMPUR, Ahad - Projek membina, membaik pulih dan menaikkan taraf 21 hospital kerajaan melalui peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) akan ditangguh berikutan kejatuhan nilai ringgit, kata Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng.

Bagaimanapun, katanya, projek pembinaan yang dijalankan oleh pihak swasta akan diteruskan.

Katanya, beliau sedar pembinaan hospital yang berteknologi tinggi dan tanpa kertas itu memerlukan perbelanjaan berbilion ringgit.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad semalam yang meminta pembinaan infrastruktur seperti pembesaran jalan raya, lebuh raya, pembinaan hospital dan pembelian peralatan perubatan dari luar negara ditangguhkan sehingga kejatuhan nilai ringgit pulih.

Beliau berharap sektor kesihatan dan perubatan hanya menerima kesan minimum kerana ia membabitkan kepentingan orang ramai.

"Saya juga tidak nampak masalah kewangan mengenai pembinaan hospital yang akan dibangunkan kerajaan melalui pinjaman Bank Pembangunan Asia (ADB) tetapi yang dibina melalui peruntukan kerajaan mungkin berlaku kerana masalah kejatuhan nilai ringgit," katanya selepas merasmikan Simposium Dunia mengenai Perubatan Ortopedik Tradisional Cina di sini, hari ini.

Dalam tempoh RM-7, sebanyak RM2.65 bilion diperuntukan kepada pembangunan dan perbelanjaan bagi sektor kesihatan.

Daripada jumlah itu, peruntukan terbesar iaitu RM1.8 bilion diberikan kepada perkhidmatan rawatan kesihatan seperti pembinaan, menaikkan taraf dan mengubah suai hospital dan pusat kesihatan.

Sementara itu, mengenai Perubatan Ortopedik Tradisional Cina (TCO), Chua berkata, tiga jawatan kuasa sudah ditubuh bagi mengkaji bidang perubatan alternatif termasuk perubatan tradisonal Cina.

Menurutnya, jawatankuasa itu akan mengkaji ubat-ubatan tradisional itu sama ada selamat dan berkesan digunakan, mengkaji untuk mengiktiraf dan mendaftar pengamal perubatan berdasarkan kepada kelayakan dan latihan selain mengawal kegiatan pengamal perubatan palsu.

(END)